## SURAH SUKU QURAISY

سُورَةُ قُرَيۡشٍ

Surah: 106 Juzuk: 30 Bil. Ayat: 4

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.*

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

**1.** Kerana kebiasaan orang Quraisy.

لِإِيلَٰفِ قُرَيۡشٍ ١

**2.** (laitu) kebiasaan mereka bermusafir (menjalankan perniagaan) pada musim dingin dan musim panas.(1)

إِۦلَٰفِهِمۡ رِحۡلَةَ ٱلشِّتَآءِ وَٱلصَّيۡفِ ٢

**3.** Maka hendaklah mereka menyembah Tuhan pemilik rumah ini (Kaabah).

فَلۡيَعۡبُدُواْ رَبَّ هَٰذَا ٱلۡبَيۡتِ ٣

**4.** Yang telah memberikan makanan kepada mereka untuk menghilangkan lapar, dan mententeramkan mereka daripada rasa ketakutan.

ٱلَّذِيٓ أَطۡعَمَهُم مِّن جُوعٖ وَءَامَنَهُم مِّنۡ خَوۡفِۭ ٤

1 Orang Quraisy biasa bermusafir, terutama untuk berdagang ke negeri Syam pada musim panas dan ke negeri Yaman pada musim dingin. Dalam perjalanan itu, mereka mendapat jaminan keamanan daripada para penguasa negeri-negeri yang dilaluinya. Ini adalah suatu kurniaan yang amat besar daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala kepada mereka.